

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (8) dlm. KKM-82/2/6 Bhg. 2

21 hb Januari, 1988

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,  
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,  
Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan/Rancangan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 6/1988

Laporan Penyertaan Pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan  
Dipersidangan/Seminar/Bengkel/Kursus Yang Bukan Dikendalikan  
Oleh Kementerian Kesihatan dan Lawatan Sambil Belajar ke Luar Negeri

1. Tujuan

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk mendapatkan faedah maksima dari penyertaan pegawai-pegawai dipersidangan/seminar/bengkel dan kursus yang bukan dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan, dan dilawatan-lawatan sambil belajar ke luar negeri.

2. Latarbelakang

Dari semasa kesemasa Kementerian Kesihatan membenarkan pegawai-pegawainya menyertai persidangan/seminar/bengkel atau kursus yang bukan dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan atau melawat sambil belajar ke luar negeri. Dasar ini adalah bertujuan membolehkan pegawai-pegawai memperoleh pengetahuan atau kemahiran yang baru atau melihat pengalaman-pengalaman luar negeri supaya mereka boleh memberi perkhidmatan yang lebih berkesan pada orang ramai.

3. Laporan tentang penyertaan

Untuk menentukan bahawa penyertaan pegawai-pegawai benar-benar memberi faedah kepada negara dan diri mereka sendiri, maka setiap pegawai yang telah menghadiri sebarang persidangan/seminar, bengkel atau kursus yang bukan dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan atau yang melawat sambil belajar ke luar negeri, adalah dikehendaki menyempurnakan satu laporan mengikut lampiran kepada surat pekeliling ini. Jika penyertaan secara rombongan laporan hendaklah disediakan oleh Ketua rombongan. Laporan ini (dalam tiga salinan) hendaklah dikemukakan kepada saya tidak lewat dari satu bulan selepas penyertaan tersebut atau selepas kembali dari lawatan sambil belajar ke luar negeri. Laporan ini adalah juga dikehendaki dari

LAPORAN PENYERTAAN PEGAWAI-PEGAWAI DI PERSIDANGAN/SEMINAR/BENGGEL/KURSUS  
YANG BUKAN DIKENDALIKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN & LAWATAN SAMBIL BELAJAR  
KE LUAR NEGERI

---

1. Nama Pegawai :
2. Jawatan Pegawai :
3. Tempat Kerja Sekarang :
4. Rujukan surat yang meluluskan penyertaan :
5. (a) Nama persidangan/seminar/bengkel/kursus yang disertai atau tujuan lawatan sambil belajar :  
(b) Tempat :  
(c) Tarikh : Dari .....hingga .....
6. Status penyertaan :


Peserta biasa	<input type="checkbox"/>
(Pangkah yang mana sesuai)	
Pemerhati	<input type="checkbox"/>
Penasihat sementara	<input type="checkbox"/>
Pakar perunding	<input type="checkbox"/>
Ketua rombongan	<input type="checkbox"/>
7. Jika ada membentangkan kertas :-
  - (a) Tajuk kertas :
  - (b) No. surat Ketua Pengarah Kesihatan yang meluluskan kertas tersebut dibentangkan :
8. Laporan ringkas kertas persidangan/seminar/bengkel/kursus yang disertai atau lawatan sambil belajar. Apakah faedah kepada negara/diri sendiri?
9. Bagaimana pengetahuan/kemahiran baru yang diperolehi akan digunakan?
10. Ulasan am.

pegawai-pegawai yang menyertai mesyuarat-mesyuarat kumpulan yang dipanggil oleh badan-badan seperti WHO yang pegawai-pegawai menjadi ahli. Pegawai-pegawai yang gagal mengemukakan laporan tidak akan dipertimbangkan lagi bagi penyertaan yang akan datang.

4. Tarikh kuatkuasa

Mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini.

Saya yang menurut perintah,

  
TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAFRAN  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan  
YB Timbalan Menteri Kesihatan  
YB Setiausaha Parlimen  
Ketua Setiausaha  
Semua Pengarah Bahagian  
Ketua Penolong Setiausaha (Antarabangsa)

-/re